



Kempen Perolehan CASA-i Baharu (Buka, Simpan & Menang)

Dikemaskini pada 30 Ogos 2021

TEMPOH KEMPEN

Kempen Perolehan CASA-i Baharu (“Kempen”) Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (“HLISB”) (secara kolektif disebut “Bank”) bermula pada 01 September 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Bank berhak untuk mengubah jangka masa dan/atau tarikh mula dan/atau luput Tempoh Kempen, setelah memberi notis awal yang mencukupi tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen (“T&Cs”) adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Akaun-i individu sertaan bagi Kempen ini adalah seperti berikut (“Akaun-i Sertaan”):
 - (a) Hong Leong Basic Current Account-i;
 - (b) Hong Leong Current Account-i;
 - (c) Hong Leong Pay&Save Account-i;
 - (d) Hong Leong Basic Savings Account-i;
 - (e) Hong Leong Saving Account-i;
 - (f) Hong Leong Multi-tier Savings Account-i;
 - (g) Hong Leong Payroll Basic Saving Account-i;
 - (h) Hong Leong Payroll Saving Account-i,
 - (i) Hong Leong Payroll Pay&Save Account-i. and/or
 - (j) Hong Leong 3 in 1 Junior Account-i

Akaun Sertaan adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah iaitu Tawarruq.

2. Kempen ini terbuka kepada pemegang akaun individu dan Keempunyaan Tunggal yang baharu, warga Malaysia dan juga bukan warga Malaysia, termasuk Pelanggan Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong (“Pelanggan Layak”).
3. Golongan pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - (a) Pelanggan bukan individu termasuk persatuan, pertubuhan, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan pertubuhan perbadanan.
 - (b) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan bankrap atau bakal dikenakan prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
 - (c) Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di dalam ini.
 - (d) Seluruh pekerja HLB dan HLISB.
4. Semua deposit di bawah Kempen ini mestilah “Dana Baharu” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” ditakrif sebagai:
 - (a) Wang tunai, pindahan antara bank yang termasuk IBG, Pindahan Segera dan DuitNow, dana baharu yang diterima melalui pindahan bertelegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun-i Sertaan; dan
 - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam Akaun-i Sertaan.

5. Yang berikut ini **TIDAK** dianggap “**Dana Baharu**”:
- (c) Deposit Tetap-i atau Deposit Tetap (“FD-i/FD”) yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD-i/FD sedia ada;
 - (d) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada Akaun Sertaan yang lain, FD-i/FD, Akaun Pelaburan-i Bertempoh atau Akaun Pelaburan Am dan pindahan antara cawangan dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

KAEDAH KEMPEN

6. Pelanggan Layak mestilah membuka Akaun-i Sertaan baharu dalam Tempoh Kempen.

Bagi mengelakkan keraguan, Akaun Sertaan baharu boleh dibuka menerusi mana-mana saluran termasuk yang berikut:

- (a) Mana-mana cawangan HLB/HLISB yang merupakan premis rasmi Bank bagi pembukaan akaun *onsite*;
 - (b) Pengurus Perhubungan Deposit yang merupakan pegawai bank rasmi Bank bagi pembukaan akaun *offsite*;
 - (c) Apply@HLB yang merupakan aplikasi alat mudah alih pembukaan akaun Bank yang boleh diakses melalui peranti mudah alih;
 - (d) Stor Rasmi HLB di Shopee Malaysia yang merupakan bank rasmi Bank bagi pembukaan akaun.
7. Setiap Akaun-i Sertaan akan memperoleh penyertaan (“**Penyertaan Kelayakan**”) untuk menyertai Kempen seperti berikut:

Jadual 1

Kriteria 1	Penyertaan Diperoleh
Membuka Akaun-i Sertaan baharu (a) Hong Leong Pay&Save Account-i; (b) Hong Leong Payroll Pay & Save Account-i (c) Hong Leong 3 in 1 Junior Account-i (d) Akaun-i Sertaan yang lain	5 penyertaan 5 penyertaan 5 penyertaan 1 penyertaan
Setiap tambahan Baki Purata Bulanan (MAB) sebanyak RM500	1 penyertaan

Contoh pengiraan MAB tambahan seperti berikut:

Pelanggan A membuka Akaun-i Sertaan pada 15 September 2021

MAB Tambahan Bulan 1

$$\text{Baki Purata Harian (DAB) Bulan 1} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian bagi Bulan 1 sejak dibuka}}{\text{Bilangan hari Bulan 1 sejak akaun dibuka}}$$

$$\begin{aligned} \text{DAB Bulan 1} &= \underline{\text{RM10,000}} \\ &\quad \underline{16 \text{ hari}} \\ &\quad (\text{Bil. hari dari } 15^{\text{th}} \text{ Sept 2021 hingga } 30^{\text{th}} \text{ Sept 2021}) \end{aligned}$$

$$\text{DAB Bulan 1} = \text{RM666.67}$$

$$\begin{aligned} \text{MAB Tambahan Bulan 1} &= \text{DAB Bulan 1} - \text{Asas Pengiraan} \\ &= \text{RM666.67} - 0 \\ &= \text{RM666.67} \end{aligned}$$

Pelanggan A akan berhak memperoleh 1 penyertaan dari MAB Tambahan Bulan 1

MAB Tambahan Bulan 2

$$\text{DAB Bulan 2} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian bagi Bulan 2}}{\text{Bilangan hari Bulan 2}}$$

$$\begin{aligned} \text{DAB Bulan 2} &= \frac{\text{RM63,000.00}}{31 \text{ hari}} \\ &(\text{Bil. Hari dari } 1^{\text{hb}} \text{ Okt 2021 hingga } 31^{\text{hb}} \text{ Okt 2021}) \end{aligned}$$

$$\text{DAB Bulan 2} = \text{RM}2,032.26$$

$$\begin{aligned} \textbf{MAB Tambahan Bulan 2} &= \text{DAB Bulan 2} - \text{DAB Bulan 1} \\ &= \text{RM}2,032.26 - \text{RM}666.67 \\ &= \text{RM}1,365.59 \end{aligned}$$

Pelanggan A akan berhak memperoleh 2 penyertaan dari MAB Tambahan Bulan 2

8. Pelanggan Layak yang memenuhi Kriteria 1 seperti dinyatakan di bawah Fasal 8 akan berpeluang memenangi hadiah berikut (“Hadiah”)

Jadual 2

Kategori	Hadiah	Bil. pemenang sebulan	Jumlah pemenang
Hadiah Utama	RM50,000 ganjaran tunai		1
Hadiah Bulanan	RM5,000 ganjaran tunai	1	4
Hadiah Sagu Hati Bulanan	RM500 ganjaran tunai	15	60

9. Bulan kempen mengikut Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Bulan Kempen	Tarikh
Bulan Kempen 1	1 September 2021 – 30 September 2021
Bulan Kempen 2	1 Oktober 2021 – 31 Oktober 2021
Bulan Kempen 3	1 November 2021 – 30 November 2021
Bulan Kempen 4	1 Disember 2021 – 31 Disember 2021

10. Akaun-i Sertaan yang dibuka dalam Bulan Kempen berkenaan dan memenuhi Kriteria 1 adalah layak berada dalam kelompok Pelanggan Tersenarai Pendek bagi Hadiah Bulanan atau Hadiah Sagu Hati bagi Bulan Kempen berkenaan.

Semua Akaun-i Sertaan yang dibuka semasa Tempoh Kempen dan memenuhi Kriteria 1 adalah layak berada dalam kelompok Pelanggan Tersenarai Pendek bagi Hadiah Utama.

11. Pelanggan Layak hanya boleh memenangi maksimum satu Hadiah sepanjang Tempoh Kempen, iaitu Pelanggan Layak yang telah memenangi Hadiah Bulanan dalam Bulan Kempen 1, tidak akan berpeluang memenangi satu lagi Hadiah Bulanan dalam Kempen Bulan 2, Bulan 3, Bulan 4 atau Hadiah Sagu Hati Bulanan dalam Kempen Bulan 1, Bulan 2, Bulan 3, Bulan 4 atau Hadiah Sagu Hati, walaupun semua Kriteria Kelayakan seperti tertera dalam Jadual 1 di atas dipenuhi semasa Tempoh Kempen.

12. Setiap Akaun-i Sertaan dianggap suatu penyertaan bebas. Tidak perlu borang penyertaan atau pendaftaran untuk menyertai Kempen ini. Bank akan menjelaki pelanggan layak secara automatik pada penghujung Tempoh Kempen.

13. Walau apa pun, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan di luar kawalan munasabahnya dalam hal penyampaian deposit berkenaan dan/atau pemaparan dalam Akaun-i Sertaan Pelanggan Layak yang boleh menyebabkan Pelanggan Layak itu tertinggal daripada memperoleh penyertaan bagi Kempen .

PEMILIHAN PEMENANG

14. Pelanggan Layak akan disenarai pendek oleh Bank secara rambang daripada senarai jumlah penyertaan kelayakan yang diperoleh sepanjang Tempoh Kempen melalui proses "Pemilihan Rambang Bank" (secara kolektif disebut "Pelanggan Tersenarai Pendek") seperti berikut:

- a) Sejumlah dua puluh (20) Pelanggan Layak Hadiah Bulanan yang telah memperoleh penyertaan menurut Fasal 8 di atas dan Akaun-i Sertaan yang dibuka dalam Bulan Kempen berkenaan mestilah telah tersenarai pendek ("Pelanggan Tersenarai Pendek Hadiah Bulanan").
- b) Sejumlah seratus (100) Pelanggan Layak Hadiah Sagu Hati Bulanan yang telah memperoleh penyertaan dalam Fasal 8 di atas dan Akaun-i Sertaan yang dibuka dalam Bulan Kempen berkenaan mestilah telah tersenarai pendek ("Pelanggan Tersenarai Pendek Hadiah Sagu Hati Bulanan")
- c) Sejumlah dua puluh (20) Pelanggan Layak Hadiah Utama yang telah memperoleh penyertaan menurut Fasal 8 di atas dan Akaun-i Sertaan yang dibuka semasa Tempoh Kempen mestilah telah tersenarai pendek ("Pelanggan Tersenarai Pendek Hadiah Utama").

15. Pelanggan Tersenarai Pendek mestilah dihubungi oleh Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") dan diberi suatu soalan berkaitan Bank. Pelanggan Tersenarai Pendek itu dikehendaki menjawab SMS dengan jawapan tepat dalam masa terpantas.

- a) Pelanggan Tersenarai Pendek Hadiah Bulanan yang pertama dapat menjawab dengan betul (dalam jangka masa yang dinyatakan dalam SMS) akan berhak mendapat Hadiah Bulanan ("Pemenang Hadiah Bulanan").
- b) Lima belas (15) pertama Pelanggan Tersenarai Pendek Hadiah Sagu Hati Bulanan bagi Kempen bulan berkenaan yang dapat menjawab dengan betul (dalam jangka masa yang dinyatakan dalam SMS) akan berhak mendapat Hadiah Sagu Hati Bulanan ("Pemenang Hadiah Sagu Hati Bulanan")
- c) Pelanggan Tersenarai Pendek Hadiah Utama yang pertama dapat menjawab dengan betul (dalam jangka masa yang dinyatakan dalam SMS) akan berhak mendapat Hadiah Utama ("Pemenang Hadiah Utama").

Sekiranya berlaku seri iaitu apabila ada lebih daripada satu (1) Pelanggan Tersenarai Pendek yang telah menjawab dengan betul pada masa yang sama, maka Pelanggan Tersenarai Pendek yang mempunyai DAB Tambahan yang tertinggi sepanjang Tempoh Kempen akan diisytiharkan sebagai Pemenang.

16. Pelanggan Tersenarai Pendek mestilah menanggung caj telekomunikasi standard yang dikenakan bagi setiap SMS yang dihantar kepada Bank.

17. Sekiranya Pelanggan Tersenarai Pendek tidak menjawab dalam jangka masa yang diberi, mengakibatkan tidak cukupnya bilangan Pemenang Hadiah Bulanan, Pemenang Hadiah Sagu Hati Bulanan atau Pemenang Hadiah Utama, maka Bank akan melaksanakan proses yang digariskan di bawah Fasal 15 dan 16 di atas untuk kali keduanya. Jika masih juga tiada pemenang didapati selepas melaksanakan proses yang tersebut di atas tadi buat kali kedua, maka Bank berhak melupuskan Hadiah Bulanan atau Hadiah Sagu Hati dan/atau Hadiah Utama bagi Kempen tersebut.

18. Bagi mengelakkan keraguan, penghantaran SMS kepada Pelanggan Tersenarai Pendek akan berdasarkan nombor telefon bimbit dihantar kepada nombor telefon bimbit terkini yang dirakamkan dan disimpan dalam sistem atau rekod Bank. Perkhidmatan SMS bagi promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank ("M3 Tech").

19. Pelanggan Tersenarai Pendek tidak akan diberitahu serta-merta jika mereka adalah Pemenang Hadiah Bulanan atau Pemenang Hadiah Sagu Hati Bulanan atau Pemenang Hadiah Utama ketika menjawab SMS tersebut.

PEMBERITAHUAN PEMENANG DAN PEMENUHAN HADIAH

20. Semua hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun-i Sertaan Pemenang dalam masa 90 hari perniagaan dari penghujung Tempoh Kempen. Sekiranya Pemenang mempunyai lebih daripada satu Akaun-i Sertaan baharu semasa Tempoh Kempen, maka hadiah itu akan dikreditkan ke dalam Akaun-i Sertaan yang mempunyai baki DAB yang tertinggi
21. Pengumuman semua Pemenang (iaitu Nama dan nombor MyKad/pasport ("ID") terlindung) (secara kolektif disebut "Pemenang Kempen") akan dipaparkan dalam laman web Bank di www.hlisb.com.my ("Laman Web Bank") dalam masa 90 hari perniagaan dari penghujung tempoh kempen ("Pengumuman Pemenang Promosi").
22. Akaun-i Sertaan Pemenang Promosi hendaklah pada setiap masa kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) sehingga 31 Disember 2021, jika tidak, Pemenang Promosi itu akan terlucut kelayakan menerima Hadiah Bulanan atau Hadiah Tergabung Bulanan atau Hadiah Utama.
23. Hadiah Utama akan tertakluk kepada tempoh peruntuk 3 bulan dari tarikh Hadiah Utama dikreditkan ke dalam Akaun-i Sertaan Pemenang. Bagi mengelakkan keraguan, Hadiah Utama hanya boleh digunakan oleh Pemenang apabila tempoh peruntuk itu berakhir.

UMUM

24. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
 - (a) telah membaca, memahami dan akan mematuhi T&Cs di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat CASA-i ("**CASA-i T&Cs**") dan Terma dan Syarat Akaun-i Sertaan berkenaan, jika ada;
 - (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan;
 - (c) mengakses laman web Bank di www.hlisb.com.my ("**Laman Web Bank**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen dan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
 - (d) Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barang; dan
 - (e) dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
25. Bank berhak:
 - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank setelah memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh Bank daripada menyertai Kempen dan/atau berhak mendapat Ganjaran; dan
 - (c) menolak balik dana jika dapat dikesan berlaku penipuan, pelanggaran T&C Kempen atau akaun tidak aktif.
26. T&Cs di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka T&Cs tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.



27. Jika terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&Cs dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
28. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
29. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

